

## NOTIS PEMAKLUMAN URUSAN KAUNTER PEROLEHAN SEPANJANG TEMPOH PERGERAKAN KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

Untuk makluman, berdasarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri Melaka berkuatkuasa 19 Februari 2021 waktu operasi kaunter bagi penjualan naskah sebut harga dan tender adalah seperti berikut

Hari	Waktu
Isnin – Khamis	8:30 Pagi - 12:30 Tengahari 2:30 Petang - 4:30 Petang
Jumaat	8:30 Pagi - 12:00 Tengahari 3:00 Petang - 4:30 Petang
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Tutup

Walaubagaimanapun proses kemasukan ke Kampus Induk UTeM masih tertakluk kepada permohonan e-TAP. Justeru, Penyebut harga yang berminat dengan sebut harga atau tender perlu mengemukakan maklumat kehadiran **sehari sebelum hadir (sila mohon sebelum jam 5:00 petang)** ke Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari dengan mengisi borang pada pautan berikut <https://pkpluar.utem.edu.my> dan menghantar *screenshot* permohonan ke emel [rozinah@utem.edu.my](mailto:rozinah@utem.edu.my). Pembekal / Kontraktor bertanggungjawab untuk mendapatkan Surat Kebenaran Merentas Daerah/Negeri dari Pihak Bekuasa sepanjang tempoh PKPB.

Sebarang kesulitan amat dikesali

Harap maklum.



.....  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari Kanan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

.....  
Cap Jawatan

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET SECARA JUALAN

KEW.PA-33

1. Tawaran sebut harga bernombor **UTeM/SH/LUPUS/001/2021** adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat dan layak sahaja untuk membeli aset yang dilupuskan oleh UTeM seperti berikut:

BIL	JENIS ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (SEUNIT)
1	SIGNAGE FTK - WITH LOGO AND CAT (80'X3.5)	1	RM1.00
2	PONDOK KESELAMATAN	5	RM5.00
3	KABIN	1	RM1.00
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>RM7.00</b>

2. Lawatan tapak akan diadakan untuk penyebut harga yang ingin melihat fizikal aset tersebut. Berikut adalah maklumat lawatan tapak ini:

<b>TARIKH PAMER SEBUT HARGA</b>	<b>: 15 FEBRUARI 2021</b>
<b>TARIKH DAN MASA LAWATAN TAPAK</b>	<b>: 22 FEBRUARI 2021 JAM 10:00 PAGI</b>
<b>LOKASI LAWATAN TAPAK</b>	<b>: Kampus Teknologi(MITC) dan Kampus Induk UTeM</b>
<b>TARIKH JUAL SEBUT HARGA</b>	<b>: 15 FEBRUARI 2021</b>
<b>TARIKH TUTUP SEBUT HARGA</b>	<b>: 8 MAC 2021</b>

3. Penyebut harga yang tidak menghadiri lawatan tapak masih boleh menyertai sebut harga ini
4. Tawaran sebut harga hanya sah dibuat menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset (KEW.PA-34)**.
5. Naskah sebut harga ini akan dijual berbentuk cakera padat dalam tempoh yang telah dinyatakan di atas dan mengikut Jadual Waktu Operasi Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari UTeM dibawah.

Hari	Waktu	Tempat
Isnin dan Rabu	8:30 pagi - 12:30 tengahari 2:30 petang - 4:30 petang	<b>Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka</b>

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET SECARA JUALAN

KEW.PA-33

6. Penyebut harga yang berminat dengan sebut harga ini perlu mengemukakan maklumat kehadiran sehari sebelum hadir (permohonan perlu dilakukan sebelum jam 5:00 petang pada hari ahad bagi kemasukan hari isnin dan hari selasa bagi kemasukan hari rabu) ke Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari dengan mengisi borang pada pautan berikut <https://pkpluar.utem.edu.my> dan menghantar *screenshot* permohonan ke emel [rozinah@utem.edu.my](mailto:rozinah@utem.edu.my). Pembekal / Kontraktor bertanggungjawab untuk mendapatkan Surat Kebenaran Merentas Daerah/Negeri dari Pihak Bekuasa sepanjang tempoh PKP 2.0.
7. Naskah sebut harga tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara **KAD DEBIT / KAD KREDIT / WANG POS / KIRIMAN WANG / BANK DERAJAT** atas nama **BENDAHARI UTeM**.
8. Semua tawaran diisi dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan No. sebut harga pada sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti sebut harga di alamat:

**KAUNTER UNIT PEROLEHAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
HANG TUAH JAYA  
76100 DURIAN TUNGGAL  
MELAKA.**

### 9. SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

- 9.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat dan layak untuk membeli aset yang telah dilupuskan oleh UTeM.
- 9.2 Pihak Berkuasa Melulus, Unit Rekod Aset dan Stor, Unit Perolehan dan pihak yang menguruskan pelupusan aset PTj **TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebut harga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
- 9.3 Lawatan Tapak akan diadakan untuk penyebut harga yang ingin melihat fizikal aset tersebut pada **22 FEBRUARI 2021 di Kampus Teknologi(MITC) dan Kampus Induk UTeM**.
- 9.4 Gambar aset lupus ada disertakan di Lampiran 1.
- 9.5 Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan dan harga tawaran.
- 9.6 Tawaran harga daripada penyebut harga hendaklah melebihi 10% daripada harga simpanan.
- 9.7 Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau minimum bayaran sebanyak RM1.00 bagi setiap aset. Deposit tersebut hendaklah dibayar secara **WANG POS / KIRIMAN WANG / BANK DERAJAT** atas nama **BENDAHARI UTeM** dan perlu dilampirkan bersama Borang Sebut Harga Pelupusan Aset (KEW.PA-34) semasa penghantaran dokumen sebut harga.
- 9.8 Tawaran tanpa/kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
- 9.9 Sekiranya penyebut harga yang berjaya menolak tawaran, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET SECARA JUALAN

KEW.PA-33

- 9.10 Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat.
- 9.11 Universiti tidak bertanggungjawab ke atas aset yang dijual.
- 9.12 Keseluruhan aset perlu diangkut dan semua perbelanjaan berkaitan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga yang berjaya.
- 9.13 Pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada harga tawaran yang tertinggi bagi setiap aset.
- 9.14 Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan dimaklumkan.
- 9.15 Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
- 9.16 Bagi Penyebut harga yang tidak berjaya, pemulangan semula deposit akan dilakukan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan dimaklumkan dengan membawa keratan atau salinan kiriman wang/ wang pos/ draf bank bagi menuntut semula deposit tersebut.
- 9.17 Iklan sebut harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://utem.edu.my/bendahari>. Bagi mendapatkan keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan di talian 06-270 2011.

  
.....  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari Kanan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

.....  
Cap Jawatan